

PM MB
B.H. 16 JAN 1995

tidak hadir sidang raja

KUALA LUMPUR, Jumaat — Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu mengeluarkan notis menyatakan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri, tidak akan menghadiri mesyuarat raja-raja Melayu di Istana Negara, esok.

Menurut notis yang ditandatangani oleh Engku Datuk Ibrahim Engku Ngah, bertarikh 13 Januari itu, Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah juga tidak akan berangkat ke mesyuarat itu.

Pagi ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan beliau dan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri, tidak akan hadir pada mesyuarat itu.

Mengikut amalan, Perdana Menteri mengiringi Yang di-Pertuan Agong manakala Menteri Besar dan Ketua Menteri mengiringi raja dan Yang Dipertua Negeri masing-masing.

Mesyuarat yang dijadualkan bermula pada jam 10 pagi itu akan memutuskan sama ada menerima atau

menolak draf pindaan Perlembagaan Persekutuan membabitkan kekebalan raja-raja di segi undang-undang, perkara berkaitan hasutan dan kuasa pengampunan.

Semua sultan, raja dan pemangku sultan dan Yang Dipertua Negeri sudah ada di bandaraya sejak semalam untuk menghadiri pertemuan itu.

Pada mulanya, persidangan itu dianggap sebagai mesyuarat ke-159 (khas) Majlis Raja-Raja tetapi kini statusnya tidak jelas.

Dr Mahathir berkata beliau diberitahu semalam bahawa raja-raja akan mengadakan mesyuarat mereka sendiri tanpa kehadiran Perdana Menteri atau Menteri Besar sebagaimana biasa.

"Saya tidak tahu sama ada (mesyuarat itu) boleh ditafsirkan sebagai mesyuarat Majlis Raja-Raja ataupun tidak," katanya.

Beberapa Menteri Besar juga mengesahkan menerima notis yang sama, sesetengahnya menerusi mesin faks, semalam.

"Saya tidak tahu sama ada mesyuarat itu boleh ditafsir sebagai Mesyuarat Majlis Raja-Raja atau tidak. Keputusan raja mengadakan mesyuarat itu bukan dibuat oleh kerajaan," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas membuat kunjungan perpisahan dan mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Jepun, Kiichi Miyazawa, yang menamatkan lawatan tiga hari ke Malaysia, di sini, hari ini.

Dr Mahathir menegaskan kerajaan akan tetap meneruskan cadangan me-

LIHAT MUKA 2

PM seru rakyat bertenang

DARI MUKA 1

10 JAN 1995

minda Perlembagaan itu kerana ia adalah kehendak rakyat.

Pindaan Perlembagaan membabitkan perkara 181 (2) bagi menghapuskan kekebalan raja, kuasa pengampunan dan meminda Akta Hasutan akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin dan Selasa ini manakala Dewan Negara, Rabu.

"Di mana-mana kita pergi orang tidak berpuas hati dengan kebebasan raja memukul, menganiaya dan melakukan jenayah sivil. Ini tidak boleh diterima di zaman moden ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat bertenang kerana kerajaan akan mencari jalan menyelesaikan isu itu.

Ditanya sama kerajaan bercadang mengadakan pungutan suara (referendum) bagi memastikan cadangan pindaan Perlem-

bagaan itu diterima, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memikirkannya apabila sampai masa berbuat demikian.

Menurutnya, ada raja yang setuju dengan cadangan pindaan itu tetapi disebabkan terdesak, terpaksa menentangnya.

Mengenai pembabitan pemimpin Semangat 46 (S46) dalam isu pindaan Perlembagaan itu, Dr Mahathir berkata: "S46 sudah setengah mati, tak lama lagi akan habis. Dia (S46) cuma ingin menumpang."

Dr Mahathir bagaimanapun tidak pasti sama ada pemimpin S46 terabit dalam mempengaruhi raja dalam isu pindaan Perlembagaan itu.

Mengenai tindakan Sultan Kelantan menolak cadangan pindaan Perlembagaan itu, beliau berkata bahawa perkara itu sudah dijangka.